

Inisiatif #DIY4Universiti MR D.I.Y diteruskan

PETALING JAYA – MR D.I.Y. bekerjasama dengan enam universiti di bawah inisiatif #DIY4Universiti untuk membantu penuntut meneruskan usaha mengekang jangkitan virus Covid-19.

Kumpulan peruncit tersebut mengedarkan 85,000 kit ujian percuma di universiti tempatan di Semenanjung, bertujuan mendidik mahasiswa tentang kesedaran pencegahan pandemik bagi memastikan diri mereka dan komuniti universiti kekal selamat.

Program tersebut melibatkan Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur; Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Univer-

siti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Sungai Long; Universiti Antarabangsa UNI-TAR, Petaling Jaya dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Gombak.

Ketua Pemasaran Kumpulan MR D.I.Y., Alex Goh berkata, program #DIY4Universiti bertemakan 'Sentiasa Berwaspada, Tanggungjawab Bersama' itu bertujuan mengingatkan penuntut kepada kepentingan melakukan ujian saringan secara kerap, selain membekalkan akses untuk melakukannya.

"Kami bersedia untuk mengedarkan lebih banyak kit ujian kepada empat lagi universiti

tempatan di seluruh negara pada Oktober depan apabila penuntut kembali ke kampus.

"Universiti di bawah fasa program #DIY4Universiti seterusnya termasuk Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang; Universiti Teknologi Malaysia (Kuala Lumpur dan Skudai, Johor), UTAR (Kampar, Perak), dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan," katanya dalam kenyataan baru-baru ini.

Inisiatif #DIY4Universiti dilancarkan pada Oktober 2021 untuk membantu penuntut menyesuaikan diri dengan kehidupan di kampus selepas perlu melalui tempoh Perintah Kawalan Pergerakan akibat pandemik.



MR D.I.Y. melaksanakan program meningkatkan kesedaran kepentingan penjagaan kebersihan di UM, Kuala Lumpur baru-baru ini.